



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDI KURANGKAN KOS PESAWAH, NEGARA, KOSMO -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	PESAWAH: PERALIHAN SUBSIDI INPUT KEPADA OUTPUT DILAKUKAN SECARA BERANSUR-ANSUR, BERNAMA -ONLINE	
3.	MAFI GRADUALLY SHIFTING TO OUTPUT ORIENTATION IN PROVIDING SUBSIDIES TO FARMERS, BORNEO POST -ONLINE	
4.	MAFI PERUNTUK RM1.53 BILLION BANTU PESAWAH, SH -ONLINE	
5.	MAFI GRADUALLY SHIFTING TO OUTPUT ORIENTATION IN PROVIDING SUBSIDIES TO FARMERS, THE EDGE MARKET -ONLINE	
6.	PEMBERIAN SUBSIDI INPUT PERTANIAN TIDAK AKAN DIHAPUSKAN, UM -ONLINE	
7.	SEBANYAK RM1.53 BILION UNTUK PROGRAM BANTUAN PESAWAH, HM -ONLINE	
8.	TRANSFORMASI STRUKTUR PERNIAGAAN NAFAS PENTING: KIANDEE, SH -ONLINE	
9.	KERAJAAN SALUR RM1.53 BILLION TAHUN INI UNTUK PESAWAH, PNBBC.PORTAL -ONLINE	
10.	MAFI GRADUALLY SHIFTING TO OUTPUT ORIENTATION IN PROVIDING SUBSIDIES TO FARMERS, BORNEO POST (KUCHING) -ONLINE	
11.	PESAWAH: PERALIHAN SUBSIDI INPUT KEPADA OUTPUT SECARA BERANSUR-ANSUR, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	
12.	PROTECTING AQUA LIFE WHILE IMPROVING HYDROPOWER, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIA RESERVE -3	LAIN-LAIN
13.	PENYELIDIK UTEM BANGUNKAN SISTEM FERTIGASI IOT, MELAKA HARI INI -ONLINE	
14.	SISTEM AGRO MAKANAN IOT UTEM JIMATKAN INPUT, BH -ONLINE	
15.	BAJA 'RAJIN SEBENDANG' BANTU PESAWAH TINGKATKAN HASIL, SH -ONLINE	
16.	BAJA 'RAJIN SEBENDANG' BANTU PESAWAH TINGKATKAN HASIL, BISNES SINAR, SH -28	
17.	BERI TUMPUAN PADA SEKTOR PERTANIAN, NIAGA, KOSMO -38	
18.	HARGA SAYUR MENINGKAT SEHINGGA 30 PERATUS, NASIONAL, BH -20	
19.	TEKAD KELUAR KEPOMPONG KEMISKINAN, NEGARA, KOSMO -18	
20.	TINGGALKAN PERNIAGAAN, USAHAKAN KEBUN SAYUR, GAYA TANI, UM -21	
21.	KAGUM TEKAD BAPA JADI PETANI, GAYA TANI, UM -22	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Subsidi kurangkan kos pesawah



PESAWAH dapat menikmati kos selepas menerima subsidi dan insentif sebanyak RM1.53 bilion yang diperuntukkan kepada MAFI.

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerima peruntukan RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pesawah tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu akan memanfaatkan kira-kira 300,000 pengusahanya tanaman padi di seluruh negara.

"Kerajaan memperkenalkan lima program bantuan subsidi dan insentif kepada industri padi dan beras negara iaitu Skim Baja

Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Baja dan Racun Padi Bukit, Skim Insentif Benih Padi Sah dan Skim Insentif Pengeluaran Padi.

"Selain itu, Skim Subsidi Harga Padi merupakan program bantuan subsidi bagi output pertanian apabila pesawah menjual hasil tanaman bagi mendapatkan insentif," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik) berhubung peralihan pemberian subsidi berasaskan output dalam

usaha meningkatkan padi negara selain terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Dalam pada itu, Ronald berkata, pendekatan pemberian subsidi dan insentif bagi penanaman padi akan beralih daripada input kepada output secara beransur-ansur bagi meningkatkan produktiviti.

Beliau memberi contoh Skim Subsidi Harga Padi dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap satu tan padi bersih bermula Januari 2019.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

Pesawah: Peralihan subsidi input kepada output dilakukan secara beransur-ansur



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang yang juga Ahli Parlimen Beluran ketika hadir pada Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 20 Sept – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam usaha mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah daripada input kepada output secara beransur-ansur.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiang berkata sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini, kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.

"Malah, hasil 'Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani' oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019 menyatakan bahawa, kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan, untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) yang meminta Ronald menyatakan adakah MAFI bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan output, dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Ronald berkata semua program input dan output pertanian bersubsidi untuk terus menyokong industri padi dan beras, akan diteruskan termasuk Insentif Benih padi Sah (IBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Beliau berkata MAFI juga akan terus berunding dengan kementerian kewangan mengenai pelaksanaan pemberian subsidi dan insentif berasaskan output, bagi menggalakkan pesawah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Ia juga katanya bagi mewujudkan industri yang dikawal selia sendiri secara beransur-ansur, serta mengurangkan penglibatan dan pemantauan kerajaan di sepanjang rantai pengeluaran padi.

Ronald berkata buat masa ini kerajaan juga meneruskan pemberian subsidi dan insentif berasaskan input dan output dengan menawarkan kontrak kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), bagi membekal input pertanian di bawah SBPKP dan Skim Insentif Pengeluaran SIPP untuk tempoh 1 Julai tahun ini sehingga 31 Dis 2023 bernilai RM1.82 bilion.

Bagi meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL), MAFI kini giat melaksanakan transformasi dan pembaharuan industri padi dan beras negara bagi meningkatkan pengeluaran beras ke tahap 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Pendekatan baharu antara lain adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) yang sedang giat dilaksanakan di beberapa lokasi ketika ini," katanya.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	BORNEO POST	ONLINE	

Mafi gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (standing) answering a question during the Dewan Rakyat sitting today. – Bernama photo

KUALA LUMPUR (Sept 20): The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers.

Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended, as it would directly affect the farmers' income.

"In fact, the results of the 'Empirical Study of the Impact of Subsidies on Padi Production and Farmers' Income' by Universiti Putra Malaysia in 2019 show that both input and output-based subsidies and incentives are still needed to ensure sustainable returns to farmers," he said during the question-and-answer session of the Dewan Rakyat sitting here today.

He was responding to a question from Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) who asked whether MAFI was planning to study the provision of subsidies based on output, in an effort to increase the country's padi production while continuing to safeguard the interests and welfare of farmers.

Ronald said all subsidised agricultural input and output programmes to support the padi and rice industry would be continued including the Certified Padi Seed Incentive (IBPS), Federal Government Padi Fertiliser Scheme (SBPKP), Padi Production Incentive Scheme (SIPP), Hill Padi Fertilisers and Pesticides Scheme (SBRPB) and Padi Price Subsidy Scheme (SSHP).

He said Mafi would also continue to discuss with the finance ministry on the implementation of output-based subsidies and incentives to encourage farmers to increase padi production and improve productivity.

He added that this was also to gradually create a self-regulated industry as well as reduce government involvement and monitoring in the padi production chain.

Ronald said currently the government was providing subsidies and incentives based on inputs and outputs by offering contracts to the National Farmers Organisation (Nafas) to supply agricultural inputs under SBPKP and SIPP Production Incentive Scheme for the period July 1 this year until Dec 31, 2023 worth RM1.82 billion.

To increase self-sufficiency level (SSL), Mafi is actively transforming and reforming the country's padi and rice industry in efforts to achieve 75 per cent in rice productivity during the 12th Malaysia Plan (12MP).

“Among the new approaches is the implementation of the SMART SBB programme currently being conducted at several locations,” he said. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI peruntuk RM1.53 bilion bantu pesawah



Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan sebanyak RM1.53 bilion bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi di Malaysia tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus

daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

"Sehubungan itu, seperti yang dicadangkan Ahli Yang Berhormat, MAFI sememangnya sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

"Sebagai contoh, program bantuan output pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) juga telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap satu tan metrik padi bersih bermula Januari 2019.

"Ia bermatlamat menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

"Selain itu, MAFI akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan berkenaan pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif yang berasaskan output yang akan menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi, di samping mewujudkan self regulated industry secara beransur-ansur," katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas- Sik) sama ada kementeriannya bercadang mengkaji pemberian subsidi berasaskan output dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Mengulas lanjut, Kiandee berkata, sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik tidak disyorkan pada masa ini kerana menjejaskan pendapatan pesawah langsung.

"Hasil 'Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani' oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019 menyatakan kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan bagi memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini.

"Dalam hal ini, pendekatan ini akan dilaksanakan dengan perancangan yang teratur dan mengambil kira semua aspek secara menyeluruh," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	THE EDGE MARKET	ONLINE	

MAFI gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers



KUALA LUMPUR (Sept 20): The Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended as it would directly affect farmers' income.

"In fact, the results of the 'Empirical Study of the Impact of Subsidies on Padi Production and Farmers' Income' by Universiti Putra Malaysia in 2019 showed that both input and output-based subsidies and incentives are still needed to ensure sustainable returns to farmers," he said during the question-and-answer (Q&A) session of the Dewan Rakyat sitting here today.

He was responding to a question from Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) who asked whether MAFI is planning to study the provision of subsidies based on output in an effort to increase the country's padi production while continuing to safeguard the interests and welfare of farmers.

Ronald said all subsidised agricultural input and output programmes to support the padi and rice industry would be continued, including the Certified Padi Seed Incentive (IBPS), Federal Government Padi Fertiliser Scheme (SBPKP), Padi Production Incentive Scheme (SIPP), Hill Padi Fertilisers and Pesticides Scheme (SBRPB) and Padi Price Subsidy Scheme (SSHP).

He said MAFI would also continue to discuss with the Ministry of Finance (MoF) the implementation of output-based subsidies and incentives to encourage farmers to increase padi production and improve productivity.

He added that this is also meant to gradually create a self-regulated industry as well as reduce government involvement and monitoring of the padi production chain.

Ronald said currently, the government is providing subsidies and incentives based on inputs and outputs by offering contracts to the National Farmers Organization (NAFAS) to supply agricultural inputs under the SBPKP and SIPP for the period of July 1 this year to Dec 31, 2023 worth RM1.82 billion.

To increase the self-sufficiency level (SSL), MAFI is actively transforming and reforming the country's padi and rice industry in efforts to achieve 75% in rice productivity under the 12th Malaysia Plan (12MP).

“Among the new approaches is the implementation of the SMART SBB programme currently being conducted at several locations,” he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

[Laporan Parlimen] Pemberian subsidi input pertanian tidak akan dihapuskan



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tidak bercadang untuk mengurangkan atau menghapuskan pemberian subsidi input pertanian seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr. Ronald Kiandee berkata, sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak

disyorkan pada masa ini kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.



RONALD KIANDEE

Malah, katanya, hasil 'Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani' oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2019 menyatakan bahawa kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini.

"Dalam hal ini, pendekatan ini akan dilaksanakan

dengan perancangan yang teratur dengan mengambil kira semua aspek secara menyeluruh.

"Buat masa ini Kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif berasaskan input dan output, kerajaan juga telah menawarkan kontrak kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk membekal dan menghantar input pertanian di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan dan Skim Insentif Pengeluaran Padi bagi tempoh 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2023 yang bernilai RM1.82 bilion," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan **Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik)** sama ada Kementerian Pertanian bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan output dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan para pesawah.

Pada masa sama, Ronald berkata pihaknya sememangnya sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

"Sebagai contoh, program bantuan output pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi juga telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap 1 tan metrik padi bersih bermula Januari 2019 untuk menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah.

"Kita akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan berkenaan pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif yang berasaskan output yang akan menggalakkan pesawah untuk

meningkatkan produktiviti pengeluaran padi, di samping mewujudkan *self regulated industry* secara beransur-ansur serta mengurangkan penglibatan dan pemantauan kerajaan di sepanjang rantai pengeluaran padi," katanya.-UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Sebanyak RM1.53 bilion untuk program bantuan pesawah



MAFI akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan mengenai pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif yang berasaskan output yang akan menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Sebanyak RM1.53 bilion diperuntukkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tahun ini bagi

meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi.

Ia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara dengan mengurangkan kos mereka sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pihaknya sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

"Sebagai contoh, program bantuan output pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) juga sudah dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap satu tan metrik padi bersih bermula Januari 2019.

"Ia bermatlamat menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (Pas-Sik) sama ada kementerian itu bercadang mengkaji pemberian subsidi berasaskan output dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Menurut Ronald, Mafi juga akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan mengenai pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif yang berasaskan output yang akan menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi, selain mewujudkan 'self regulated industry' secara beransur-ansur.

Katanya, sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik tidak disyorkan ketika ini kerana menjejaskan pendapatan pesawah.

Katanya, Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani oleh Universiti Putra Malaysia pada 2019 mendapati kedua-dua subsidi serta insentif berasaskan input dan output masih diperlukan bagi memastikan pulangan terbaik kepada pesawah di negara ini.

Disiarkan pada: September 20, 2021 @ 5:08pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Transformasi struktur perniagaan NAFAS penting: Kiandee



Zambri ketika menandatangani dokumen sambil diperhatikan oleh Kiandee (kanan) dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Azulita Salim.

SHAH ALAM - Transformasi struktur perniagaan efektif, teratur dan terancang dengan mempelbagaikan perniagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) adalah penting bagi mewujudkan model perniagaan lebih lestari bagi memberi pulangan lebih

baik kepada golongan sasaran.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membangunkan Pertubuhan Peladang (PP) yang mampu berdiri sendiri.

Beliau berkata, beberapa perkara turut dibincangkan dengan Pengerusi NAFAS, Datuk Zambrri Yaakob dalam menerajui pergerakan PP sebagai badan perniagaan berdaya maju, sekali gus membina pertubuhan yang kompeten dan berdaya saing di setiap peringkat.

“Saya sememangnya sentiasa mengikut prestasi PP dari semasa ke semasa dan berharap model perniagaan projek-projek berjaya di PP mestilah diteruskan, malah perlu direplikasikan di lain-lain PP yang berpotensi,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sementara itu, Kiandee berkata, peranan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai pendaftar amatlah penting bagi memastikan pergerakan PP di semua peringkat berjalan baik dan diperkasa agar telus, berintegriti dan profesional.



Kiandee (dua dari kanan) ketika mengadakan pertemuan dengan Zambri (tiga dari kanan).

“Penyemakan semula keseluruhan perundangan LPP dan PP juga perlu disegerakan bagi membolehkan pindaan-pindaan sesuai mengikut kehendak semasa dapat dilaksanakan.

“Tadbir urus baik akan dijadikan asas dan panduan utama agar kepentingan peladang dan pesawah sentiasa dijaga,” ujarnya.

Ronald turut mengucapkan tahniah ke atas pelantikan Zambri sebagai Pengerusi NAFAS yang baharu.

Katanya, pelantikan itu membuktikan kuasa memilih Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah telah dikembalikan semula kepada kepimpinan peladang sendiri secara demokrasi.

“Ini berikutan pindaan peraturan yang dilaksanakan kerajaan bagi memastikan hak memilih dikembalikan kepada ahli peladang sendiri seperti peraturan yang terdahulu sebelum dipinda pada tahun 2019.

“Melalui pindaan ini juga, semua Ahli Jemaah Pengarah di semua peringkat hanya layak memegang jawatan untuk tiga penggal sahaja, kemudian perlu berehat selama satu penggal sebelum layak dipilih semula,” jelas beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	PNBBC.PORTAL	ONLINE	

Kerajaan Salur RM1.53 Bilion Tahun Ini Untuk Pesawah



20 SEPT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sudah menyalurkan dana berjumlah RM1.53 bilion tahun ini bagi meneruskan program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi di Malaysia.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata keseluruhan bantuan subsidi dan insentif ini akan memanfaatkan kira-kira 300,000 pesawah di seluruh negara dengan mengurangkan kos pesawah sehingga 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kos pengeluaran padi.

Berikutan itu, Ronald berkata seperti dicadangkan, kementerian sedang mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif daripada input kepada output secara beransur-ansur.

“Sebagai contoh, program bantuan output pertanian bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) juga dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap satu tan padi bersih bermula Januari 2019.



RONALD

“Ia bertujuan menggalakkan peningkatan produktiviti pengeluaran padi dalam kalangan pesawah,” katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen PAS-Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman berhubung peralihan pemberian subsidi berasaskan output dalam usaha meningkatkan padi negara, selain terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Mengulas lanjut, Roland berkata pendekatan pemberian subsidi dan insentif bagi penanaman padi akan beralih daripada ‘input’ kepada ‘output’ secara beransur-ansur.

Beliau berkata industri padi dan beras negara antara yang paling banyak menerima peruntukan subsidi oleh kerajaan, demi memastikan pengeluaran makanan ruji itu berupaya menampung permintaan semasa.

Ronald berkata, pihaknya akan terus berunding dengan Kementerian Kewangan (MOF) berhubung pelaksanaan pendekatan pemberian subsidi dan insentif berasaskan output yang bakal menggalakkan pesawah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Katanya, pendekatan sedemikian dijangka berupaya mewujudkan persekitaran industri kawal selia sendiri secara beransur-ansur dan mengurangkan pembabitan serta pemantauan kerajaan di sepanjang rantai pengeluaran padi.

“Bagaimanapun, sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.

“Malah, hasil kajian empirikal kesan subsidi ke atas pengeluaran padi dan pendapatan petani oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2019 menyatakan kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input serta output masih diperlukan untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini.

“Justeru, pendekatan ini akan dilaksanakan dengan perancangan yang teratur dengan mengambil kira semua aspek secara menyeluruh.

“Buat masa ini, kerajaan akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif berasaskan input serta output, dengan menawarkan kontrak kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) untuk membekal dan menghantar input pertanian bagi tempoh 1 Julai lalu hingga 31 Disember 2023 yang bernilai RM1.82 bilion,” katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (PH-Kulim Bandar Bharu) berhubung langkah lain memacu kadar pengeluaran padi setara jumlah subsidi yang diperuntukkan, Ronald berkata, kerajaan menyediakan peruntukan mencecah RM4,317.23 bagi satu hektar sawah di negara ini bagi menjamin kelestarian industri berkenaan.

Sehubungan itu, beliau mengakui industri pengeluaran padi dan beras negara menerima peruntukan subsidi yang sangat tinggi serta tidak mampu menampung permintaan domestik, menyebabkan Malaysia masih bergantung kepada bekalan dari negara jiran.

“Oleh kerana itu, kita lihat pendekatan baharu untuk tingkatkan hasil pengeluaran beras dan padi negara, selain menjana pendapatan pesawah yang akhirnya berupaya meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

“Kita akui kebanyakan kawasan jelapang ketika ini mengeluarkan sekitar 3.5 tan bagi setiap hektar sawah, manakala produktiviti sektor swasta pula mencecah 10 hingga 12 tan setiap hektar.

“Maka, perlu satu bentuk pengurusan sawah yang lebih berkesan dalam negara kita, menerusi pendekatan Sawah Berskala Besar (SBB) demi meningkatkan pengeluaran hasil padi dan beras negara,” katanya.

21 SEP, 2021

Mafi gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 2

Parliament

Mafi gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers

KUALA LUMPUR: The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers.

Minister Datuk Seri Ronald Khande said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended, as it would directly affect the farmers' income.

"In fact, the results of the 'Empirical Study of the Impact of Subsidies on Padi Production and Farmers' Income' by Universiti Putra Malaysia in 2019 show that both input and output-based subsidies and incentives are still needed to ensure sustainable returns to farmers," he said during the question-and-answer session of the Dewan Rakyat sitting here yesterday.

He was responding to a question from Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) who asked whether Mafi was planning to study the provision of subsidies based on output, in an effort to increase the country's padi production while continuing to safeguard the interests and welfare of farmers.

Ronald said all subsidised agricultural input and output programmes to support the padi and rice industry would be continued including the Certified Padi Seed Incentive (IBPS), Federal Government Padi



Ronald (second right) during a visit to inspect padi grown at the SMART SBB in Seberang Perak on July 31. — Bernama photo

Fertiliser Scheme (SBPKP), Padi Production Incentive Scheme (SIPP), Hill Padi Fertilisers and Pesticides Scheme (SBRPB) and Padi Price Subsidy Scheme (SSHP).

He said Mafi would also continue to discuss with the Finance Ministry on the implementation of output-based subsidies and incentives to encourage farmers to increase padi production and improve productivity.

He added that this was also to gradually create a self-regulated industry as well as reduce government involvement and monitoring in the padi production chain.

Ronald said currently the government was providing

subsidies and incentives based on inputs and outputs by offering contracts to the National Farmers Organisation (Nafas) to supply agricultural inputs under SBPKP and SIPP Production Incentive Scheme for the period July 1 this year until Dec 31, 2023 worth RM1.82 billion.

To increase self-sufficiency level (SSL), Mafi is actively transforming and reforming the country's padi and rice industry in efforts to achieve 75 per cent in rice productivity during the 12th Malaysia Plan (12MP).

"Among the new approaches is the implementation of the SMART SBB programme currently being conducted at several locations," he said. — Bernama



21 SEP, 2021

Mafi gradually shifting to output orientation in providing subsidies to farmers

Borneo Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: The Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) is in the process of gradually shifting from input orientation to output orientation in providing subsidies and incentives to farmers. Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said presently, any drastic reduction or withdrawal of agricultural input subsidies and incentives is not recommended, as it would directly affect the farmers' income.



21 SEP, 2021

Pesawah: Peralihan subsidi input kepada output secara beransur-ansur

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Pesawah: Peralihan subsidi input kepada output secara beransur-ansur

Penarikan bantuan secara drastik menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam usaha mengalih orientasi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah daripada input kepada output secara beransur-ansur.

kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan, untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan

“Malah, hasil ‘Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani’ oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019 menyatakan bahawa, kedua-dua subsidi dan insentif berasaskan input dan output masih diperlukan, untuk memastikan pulangan lestari kepada pesawah pada masa ini.”

Datuk Seri Ronald Khande
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Menterinya Datuk Seri Ronald Khande berkata sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini, kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.

“Malah, hasil ‘Kajian Empirikal Kesan Subsidi ke atas Pengeluaran Padi dan Pendapatan Petani’ oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2019 menyatakan bahawa,

Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) yang meminta Ronald menyatakan adakah MAFI bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan output, dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah.

Ronald berkata semua program input dan output pertanian bersubsidi untuk terus menyokong industri padi dan beras, akan diter-



HURAI HUJAH: Ronald (berdiri) menjawab soalan pada Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Bangunan Parlimen di Kuala Lumpur, semalam. — Gambar Bernama

uskan termasuk Insentif Benih padi Sah (JBPS), Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit (SBRPB) dan Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Beliau berkata MAFI juga akan terus berunding dengan kementerian kewangan mengenai pelaksanaan pemberian subsidi dan insentif berasaskan output, bagi menggalakkan pesawah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Ia juga katanya bagi mewu-

judkan industri yang dikawal selia sendiri secara beransur-ansur, serta mengurangkan penglibatan dan pemantauan kerajaan di sepanjang rantaian pengeluaran padi.

Ronald berkata buat masa ini kerajaan juga meneruskan pemberian subsidi dan insentif berasaskan input dan output dengan menawarkan kontrak kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), bagi membekal input pertanian di bawah SBPKP dan Skim Insentif Pengeluaran SIPP untuk tempoh 1 Julai tahun ini sehingga 31

Dis 2023 bernilai RM1.82 bilion.

Bagi meningkatkan Tahap Sara Diri (SSD), MAFI kini giat melaksanakan transformasi dan pembaharuan industri padi dan beras negara bagi meningkatkan pengeluaran beras ke tahap 75 peratus dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

“Pendekatan baharu antara lain adalah pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) yang sedang giat dilaksanakan di beberapa lokasi ketika ini,” katanya. — Bernama



21 SEP, 2021

Pesawah: Peralihan subsidi input kepada output secara beransur-ansur

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Penarikan bantuan secara drastik menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kini dalam usaha mengalihkan orientasi pemberian subsidi dan insentif kepada pesawah daripada input kepada output secara beransur-ansur.

Menterinya Datuk Seri Ronald Kiandee berkata sebarang pengurangan atau penarikan bantuan subsidi dan insentif input pertanian secara drastik adalah tidak disyorkan pada masa ini, kerana ia akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung.

Headline	Protecting aqua life while improving hydropower		
MediaTitle	The Malaysian Reserve		
Date	21 Sep 2021	Color	Full Color
Section	Corporate Malaysia	Circulation	12,000
Page No	3	Readership	36,000
Language	English	ArticleSize	874 cm ²
Journalist	ANIS HAZIM	AdValue	RM 9,208
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,624

Before the Covid-19 pandemic, the Aquatic Ecology Conservation Programme has helped local communities in generating new economic resources with a total net income of RM77,200 through recreational fishing activities

by ANIS HAZIM

IT IS no secret that the country's aquatic ecosystem has become more fragile with looming threats from climate change, habitat fragmentation, pollution and accidental release of invasive substances in conserving the aquatic ecosystem. Tenaga Nasional Bhd (TNB) through its subsidiaries, TNB Research Sdn Bhd and TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), have taken the initiative implementing Aquatic Ecological Conservation Programme at the Hulu Terengganu Hydroelectric Power Station to increase local fish populations and expand eco-tourism products.

The conservation programme aims to reduce the impact of hydroelectric project development on aquatic ecosystems, such as water quality, fish, aquatic insects and small organisms such as plankton. Besides, TNB has also contributed to preserving the *Kelah* fish or the Malaysian kings of the rivers, Maliseer.

The *Kelah* fish is important in the aquatic ecosystem and act as a benchmark — if they can live and reproduce — it indicates that the river is a healthy habitat and has high biodiversity. The contributions have fulfilled TNB's commitment to environmental, social and governance issues, increasingly attracting the global community, including investors.

Thus far, TNB Genco has activated two sanctuaries in the hydroelectric development areas, namely Sungai Tembat in Hulu Terengganu, Terengganu, and Sungai Tiang in the Royal Belum Rainforest, Perak. However, the Sungai Tembat sanctuary had to be closed due to logistical difficulties as its located far in the upstream area, while Sungai Tiang which is actively being developed will be commercialised once the Movement Control Order period ends.

Kelah is Valuably Exclusive

Kelah fish is not only the "king" of Malaysian rivers but also crowned in drainage and river from the Himalayas to Asian countries such as Afghanistan, Pakistan, India, Bangladesh, Nepal, Myanmar, Sri Lanka, Thailand, Cambodia, Laos, China, Vietnam and Indonesia.

According to the International Union for Conservation of Nature's Red List, the *Kelah* fish are endangered species that are very sensitive to changes in river ecosystems and do not live in lakes as the water temperature is warm and has no current.

Kelah, or its scientific name *Totambra*, can be



Protecting aqua life while improving hydropower

Aquatic Ecological Conservation Programme aims to reduce the impact of hydroelectric project development on aquatic ecosystems

found in Peninsular Malaysia as well as in Sabah and Sarawak which has been classified as an endangered animal that is protected under the Malaysia Wildlife Protection Act 1972 (Act 26).

Its natural habitat is at the upper reaches of the river with strong currents, clear and rocky, mostly in the fast-flowing rivers that have several levels of rapids and depths as well as rich in riverside vegetation. It also likes to migrate against the current from the main river to the headwaters of the spawning tributaries. Its main diet includes figs, aquatic and terrestrial insects, fly, shrimp and plankton.

The *Kelah* exclusively has a class of its own

with its fine meat texture and delicious filling and its price can reach RM500 per kg.

Maintaining the Growth

TNB, through TNB Genco, spends about RM6 million every year on various environmental conservation studies in hydroelectric schemes in both Hulu Terengganu and Sungai Perak, including its Aquatic Ecology Conservation Programme to maintain and encourage the growth of the species.

During the construction of the Hulu Terengganu station, a total of 777 *Kelah* fish were successfully transferred to the upstream river via TNB Genco's fish rescue activities including the largest *Kelah* fish weighing around 15kg.

TNB Research researcher and coordinator Dr Mohd Shafiq Zakeyuddin said that both TNB Research and TNB Genco, together with the local community have conducted a pilot study and produced the best method to ensure the fish population is not affected.

"The pilot study includes the monitoring of water quality and aquatic life, fish rescue, construction of fish sanctuaries, breeding activities and release of fish fry, evaluation of recreational fishing programmes, the study of fish movements as well as community activities under the Communication Programme, Education and Public Awareness," said Mohd Shafiq.

According to him, the main success of the programme is maintaining the parent population of *Kelah* fish and bring its growth to 274%. In terms of water ecology conservation, the programme in Hulu Terengganu is a benchmark for the sustainable development of TNB Genco's

hydroelectric projects, as well as a future reference, especially for hydroelectric projects such as in Nenggini, Kelantan.

"Therefore, I hope that this programme can be implemented continuously with the support of all parties. It not only benefits the environment but also opens up new economic resource opportunities for the local community," added Mohd Shafiq.

TNB Research has collaborated with the Terengganu State Forest Department and the Hulu Terengganu EcoTourism Cooperative established by the community near the Hulu Terengganu Power Station.

Benefits to the Local Community

Before the Covid-19 pandemic, the Aquatic Ecology Conservation Programme has helped local communities in generating new economic resources with a total net income of RM77,200 through recreational fishing activities during the 16 months of operation until November 2019.

A part of the income is donated to the children of cooperative members to help them buy school supplies. Every day, local villagers who have been trained by TNB Research staff will feed the fish by giving pellets as the main food to ensure that the fish in the sanctuary can be tamed and comfortable in the presence of humans.

This conservation initiative has also been receiving positive feedback from the Fisheries Department, Forestry Department, Environment Department as well as TNB's staff. The aquatic ecosystem is crucial to economic opportunity and this programme may safeguard and preserve the ecosystem in the future.



Photo taken before pandemic Covid-19. One of the sanctuaries in the hydroelectric development areas at Sungai Tiang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	MELAKA HARI INI	ONLINE	

Penyelidik UTeM bangunkan sistem fertigasi IoT



SISTEM Fertigasi IoT bagi Fasa Pengujian Kedua melibatkan keberkesanan sistem untuk komuniti luar di Kebun Komuniti Taman Tasik Utama (TTU), Ayer Keroh, bagi penanaman 500 beg poli cili centil dan cili kulai.

AYER KEROH 20 Sept. – Sistem Fertigasi internet pelbagai benda (IoT) telah berjaya dibangunkan sekumpulan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sekali gus boleh meningkatkan keberkesanan sistem pembajaan dan hasil tanaman sektor agromakanan negara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM yang menjalankan fungsi Naib Canselor

UTeM, Prof Ir Dr Ghazali Omar berkata, sistem dibangunkan berkenaan dapat membantu golongan petani memantau data asas pertanian dan mengawal proses pembajaan secara dalam talian melalui komputer atau telefon pintar.

Jelasnya, sistem fertigasi itu akan memberikan impak besar buat sektor pertanian negara berikutan ia mampu menjimatkan masa bagi pengurusan dan pengendalian kebun atau ladang.



“Kejayaan UTeM membangunkan sistem ini sama seperti membawa teknologi moden ke dalam sektor agromakanan negara serta bertindak sebagai pemangkin kebolehcapaian Dasar Agromakanan Negara 2.0,” katanya dalam kenyataan yang diberikan baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Sistem IoT tersebut, Dr. Fakrulradzi Idris berkata, kerja penyelidikan projek bermula sejak akhir 2019 sehingga kini dan ia

merangkumi tiga fasa pengujian bagi menentukan kemampunan Sistem Fertigasi IoT itu.

“Pengujian fasa satu bermula dari Disember 2020 hingga Mei 2021 di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman terung mini berjumlah 120 beg poli.

“Pengujian fasa dua pula melibatkan keberkesanan sistem untuk komuniti luar dan projek ini bermula dari Jun 2021 sehingga Disember 2021 di Kebun Komuniti Taman Tasik Utama (TTU), Ayer Keroh milik TTU Agro Farm melibatkan penanaman 500 beg poli cili centil dan cili kulai.

“Sementara itu, pengujian fasa tiga bermula dari Ogos 2021 sehingga Januari 2022 di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman rock melon dan timun kecil berjumlah 90 beg poli,” katanya.

Ghazali berkata, menerusi pengujian bagi fasa satu dan dua hasil tuaian lebih daripada kadar biasa malah telah menjimatkan penggunaan baja sebanyak 30 peratus dari penanaman yang berjaya disingkatkan.

“Projek ini dibiayai oleh UTeM menerusi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) program 2020 dan mengambil masa pembangunan 15 bulan.

“Penyelidikan ini jelas menzahirkan UTeM bukan hanya menzahirkan semarak penyelidikan yang berteraskan teknologi semasa selari Revolusi Industri 4.0, malah ia memberikan impak langsung kepada komuniti dan industri.

“Teknologi ini setanding dengan teknologi dunia sekali gus melonjakkan nama Malaysia menjadi negara yang mencipta teknologi dan bukan lagi bersandarkan kepada senario pengguna teknologi semata-mata,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sistem agro makanan IoT UTeM jimatkan input



Kumpulan penyelidik yang membangunkan Sistem Fertigasi IoT UTeM, Dr Anas Abdul Latiff (kiri), Ketua Penyelidik, Dr Fakrulradzi Idris (tiga dari kiri) dan Muhammad Amirul Buntat (kanan) - Foto NSTP/Amir Mamat

MELAKA: Sekumpulan penyelidik dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya membangunkan Sistem Fertigasi Internet of Thing (IoT) dalam usaha membantu meningkatkan keberkesanan sistem pembajaan dan hasil tanaman sektor agro makanan negara.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Prof Dr Ghazali Omar, berkata sistem IoT dapat membantu golongan petani untuk memantau data asas pertanian dan mengawal proses pembajaan secara dalam talian melalui komputer atau telefon pintar.

Beliau yang menjalankan tugas Naib Canselor UTeM berkata, sistem terbabit memberikan impak besar buat sektor pertanian kerana ia sangat membantu serta menjimatkan masa bagi pengurusan dan pengendalian kebun atau ladang.

"Kejayaan UTeM membangunkan sistem ini sama seperti membawa teknologi moden ke dalam sektor agro makanan negara serta bertindak sebagai pemangkin kebolehcapaian Dasar Agromakanan Negara 2.0," katanya dalam kenyataannya, hari ini.

Projek penyelidikan dan pembangunan sistem fertigasi IoT diketuai oleh Ketua Penyelidik yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Dr Fakrulradzi Idris bersama pengurus projek, Dr Anas Abdul Latiff yang juga pensyarah FKEKK serta Pembantu Penyelidik Siswazah FKEKK, Muhammad Amirul Buntat.

Sementara itu, Fakrulradzi berkata, kerja penyelidikan projek pembangunan sistem terbabit bermula sejak 2019 dan merangkumi tiga fasa pengujian bagi menguji kemampuan sistem fertigasi IoT itu.

Katanya, pengujian fasa satu bermula dari Disember tahun lalu hingga Mei lalu di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman terung mini dalam 120 beg poli.

"Pengujian fasa kedua pula membabitkan ujian keberkesanan sistem untuk komuniti luar dan projek ini bermula selama enam bulan bermula dari Jun lalu sehingga Disember ini di Kebun Komuniti Taman Tasik Utama (TTU), Ayer Keroh yang membabitkan penanaman 500 beg poli cili centil dan cili kulai.

"Bagi pengujian fasa ketiga pula bermula bulan lalu sehingga Januari tahun hadapan di Tapak Satelit Bumi FKEKK dengan penanaman buah tembikai 'rock melon' dan timun kecil sebanyak 90 beg poli," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata menerusi pengujian bagi fasa satu dan dua setakat ini, tahap keberkesanan pelaksanaan sistem fertigasi IoT itu menunjukkan pengurangan penjimatan penggunaan baja sebanyak 30 peratus, hasil tuaian pula lebih daripada kadar biasa manakala tempoh penanaman berjaya disingkatkan.

Beliau berkata, projek terbabit dibiayai oleh UTeM menerusi Geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) Program 2020 mengambil masa pembangunan sistem ini dalam tempoh 15 bulan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Baja 'Rajin Sebandang' bantu pesawah tingkatkan hasil



Baja dalam bentuk cecair ini telah terjual lebih 1,500 botol dengan harga RM55 seliter sejak diperkenalkan di pasaran pada April lalu.

KUALA PERLIS - Syarikat Grovasi Solutions iaitu anak syarikat di bawah Dibuk Sdn. Bhd mengeluarkan baja silika 'Rajin Sebandang' sebagai usaha meningkatkan hasil pesawah setiap kali musim menuai.

Pengarah Urusan Grovasi Solutions, Ezreen Muhaizie Marzukhi berkata, baja berkenaan yang dihasilkan daripada sekam padi turut membantu menyelesaikan isu lambakan sisa buangan tersebut.

Katanya, sekam padi sebenarnya adalah antara bahan organik yang tinggi kandungan silika, namun kos untuk mengekstraknya agak mahal.

"Walau bagaimanapun berbekalkan minat yang tinggi, saya tekad untuk membuat kajian yang lebih mendalam dengan gabungan kepakaran bersama Dr. Firdaus Yusof.

"Selepas beliau tamat pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) saya menawarkan beliau bekerja bersama saya khusus untuk membangunkan produk silika ini," katanya kepada Sinar Harian.



Ezreen Muhaizie berjaya menemui cara terbaik untuk mengekstrak silika menjadi baja pertanian pada kos yang kompetitif

Ezreen Muhaizie berkata, selama lebih dua tahun penyelidikan dijalankan, akhirnya mereka berjaya menemui cara terbaik untuk mengekstrak silika menjadi baja pertanian pada kos yang kompetitif.

"Setakat ini ia telah terjual lebih 1,500 botol dengan harga RM55 seliter sejak diperkenalkan di pasaran pada April lalu.

"Jualan ini adalah secara mulut ke mulut dalam kalangan pesawah selain turut dijual secara dalam talian di Shopee.

Kakitangan, ahli keluarga warga Karangkrak jadi korban Covid-19

"Alhamdulillah, ia satu kejayaan untuk saya kerana selain dapat membantu pesawah, saya juga dapat menangani lambakan sekam padi yang memakan kos untuk dilupuskan," katanya.



Baja silika membantu membina fizikal pokok yang lebih sihat dan kuat kerana kandungan silika yang mencapai 48 peratus.

Ezreen Muhaizie menambah, kelebihan baja terbabit adalah ia mengandungi ion silika sebanyak 48 peratus, iaitu yang tertinggi dalam pasaran dalam bentuk cecair selain 52 peratus Potassium.

“Sebelum ini baja silika dalam bentuk cecair tidak banyak dalam pasaran, dan produk silika sedia ada lebih mahal jika dibandingkan dengan kandungan silika yang jauh lebih rendah.

“Baja kami adalah produk silika cecair pertama dikeluarkan oleh syarikat tempatan dan keluaran 100 peratus bumiputera.

“Lebih menarik lagi baja silika keluaran kami dihasilkan daripada bahan organik dan bukannya daripada sumber mineral dan bahan buangan industri berat,” katanya.

Menurutnya, kajian yang dijalankan membuktikan unsur silika mempunyai potensi besar digunakan dalam tanaman padi bagi meningkatkan hasil tuaian.

“Unsur silika adalah penting dalam membina fizikal pokok yang lebih sihat dan kuat, kerana ia mampu untuk membentuk batang yang lebih kuat dan anjal selain daun yang lebih tegak dan berdiri seperti serai.

Antara pesawah yang menggunakan baja Rajin Sebandang keluaran Syarikat Grovasi Solutions untuk penanaman padi mereka pada musim ini.



“Sifat-sifat fizikal ini mampu membantu pokok padi untuk lebih tahan kepada penyakit bawaan bakteria dan kulat, selain dapat membantu mengurangkan risiko padi rebah.

“Malah unsur silika juga mampu untuk memberi daya tahan kepada tekanan haba ketika musim kemarau,” katanya.

Lebih menarik beliau berkata, baja itu sesuai digunakan bersama semua jenis racun kecuali racun rumpai, justeru mampu menjimatkan kos upah semburan.

Beliau juga bersyukur apabila penjualan baja mendapat sambutan di Yan dan Pendang, Kedah.

Baja cecair lebih murah, tahan penyakit untuk semua pokok padi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

KUALA PERLIS

Syarikat Grovasi Solutions iaitu anak syarikat di bawah Dibuk Sdn. Bhd mengeluarkan baja silika 'Rajin Sebandang' sebagai usaha meningkatkan hasil pesawah setiap kali musim menanam.

Pengarah Urusan Grovasi Solutions, Ezreen Muhaizie Marzuki berkata, baja berkenaan yang dihasilkan daripada sekam padi turut membantu me-

nyelesaikan isu lambakan sisa buangan tersebut.

Katanya, sekam padi sebenarnya adalah antara bahan organik yang tinggi kandungan silika, namun kos untuk meng-ekstraknya agak mahal.

"Walaupun bagaimanapun berbekalkan minat yang tinggi, saya

tekat untuk membuat kajian yang lebih mendalam dengan gabungan kepakaran bersama Dr. Firdaus Yusof.

"Selepas beliau tamat pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) saya menawarkan beliau bekerja bersama saya khusus untuk membangunkan produk silika ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ezreen Muhaizie berkata, selama lebih dua tahun penyelidikan dijalankan, akhirnya mereka berjaya menemui cara terbaik untuk meng-ekstrak silika menjadi baja pertanian pada kos yang kompetitif.

"Setakat ini ia telah terjual lebih 1,500 botol dengan harga RM55 seliter sejak diperkenalkan di pasaran pada April lalu.

"Jualan ini adalah secara mulut ke mulut dalam kalangan pesawah selain turut dijual secara dalam talian di Shopee.

"Alhamdulillah, ia satu kejayaan untuk saya kerana selain dapat membantu pesawah, saya juga dapat menangani lambakan sekam padi yang memakan kos untuk dilupuskan," katanya.

Ezreen Muhaizie menambah, kelebihan baja tersebut adalah ia mengandungi ion silika sebanyak 48 peratus, iaitu yang tertinggi dalam pasaran dalam bentuk cecair selain 52 peratus Potassium.

Baja 'Rajin Sebandang' bantu pesawah tingkatkan hasil



Ezreen Muhaizie berjaya menemui cara terbaik untuk mengekstrak silika menjadi baja pertanian pada kos yang kompetitif

ia mampu untuk membentuk batang yang lebih kuat dan anjal selain daun yang lebih tegak dan berdiri seperti serai.

"Sifat-sifat fizikal ini mampu membantu pokok padi untuk lebih tahan kepada penyakit bawaan bakteria dan kulat, selain dapat membantu mengurangkan risiko padi rebah.

"Malah unsur silika juga mampu unak memberi daya tahan kepada tekaman haba ketika musim kemarau," katanya.

Lebih menarik beliau berkata, baja itu sesuai digunakan bersama semua jenis racun ke-cual racun rumput, justeru mampu menjimatkan kos upah semburan.

Beliau juga bersyukur apabila penjujukan baja mendapat sambutan di Yan dan Pendang, Kedah.

"Sebelum ini baja silika dalam bentuk cecair tidak banyak dalam pasaran, dan produk silika sedia ada lebih mahal jika dibandingkan dengan kandungan silika yang jauh lebih rendah.

"Baja kami adalah produk silika cecair pertama dikeluarkan oleh syarikat tempatan dan ke-luaran 100 peratus bumiputera.

"Lebih menarik lagi baja silika keluaran kami dihasilkan daripada bahan organik dan bukannya daripada sumber mi-neral dan bahan buangan industri berat," katanya.

Menurutnya, kajian yang di-jalankan membuktikan unsur silika mempunyai potensi besar digunakan dalam tanaman padi bagi meningkatkan hasil tuai.

"Unsur silika adalah penting dalam membina fizikal pokok yang lebih sihat dan kuat, kerana



Baja dalam bentuk cecair ini telah terjual lebih 1,500 botol dengan harga RM55 seliter sejak diperkenalkan di pasaran pada April lalu.



Baja dalam bentuk cecair ini telah terjual lebih 1,500 botol dengan harga RM55 seliter sejak diperkenalkan di pasaran pada April lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	KOSMO	NIAGA	38



SEKTOR pertanian moden boleh membantu dalam proses pemuliharaan ekonomi negara. – GAMBAR HIASAN

Beri tumpuan pada sektor pertanian

PETALING JAYA – Pembentangan Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) tidak lama lagi diharapkan dapat mengembalikan fokus kepada sektor pertanian yang dilihat seolah-olah sedikit terabai disebabkan perubahan ekonomi yang berlaku dalam usaha membawa negara menuju status berpendapatan tinggi.

Penganalisis ekonomi, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuar Ali berkata, dalam usaha memulihkan ekonomi, kerajaan perlu memberi penekanan kepada sektor yang melibatkan peratusan kelompok terbawah yang tinggi, seperti pertanian dan sektor ekonomi luar bandar.

"Sekiranya diimbangi kembali pada RMK-2, terdapat dua matlamat utama iaitu membasmi kemiskinan dan mencorakkan ekonomi menuju ke arah penyertaan bumiputera yang lebih aktif dalam kegiatan ekonomi baharu.

"Disebabkan perubahan ekonomi yang berlaku, banyak perkara yang kita tertinggal dan dalam rancangan-rancangan seterusnya, matlamat utama ini



ANUWAR

seolah-oleh telah 'dirampas'.

"Statistik graduan di Malaysia pada 2020 menunjukkan 75 peratus daripada mereka adalah dalam sektor perkhidmatan dan hanya 1.9 peratus dalam sektor pertanian.

"Adakah ini menunjukkan masalah perbezaan antara apa yang kita rancang dan apa yang sebenarnya berlaku?" soalnya.

Beliau berkata demikian dalam sesi Persidangan Meja Bulat bertajuk *Bajet 2022: Pemangkin Pemulihan & Pembaharuan Ekonomi Malaysia?*

Sesi tersebut diadakan se-

lepas pelancaran Platform Forum Ekonomi Malaysia anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam.

Majlis yang diadakan secara maya itu dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali yang juga merupakan alumni UKM.

Pandangan Anuar turut dipersetujui Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid yang menyatakan imbalan dagangan makanan negara semakin melebar kepada negatif RM21.8 bilion tahun lalu, berbanding defisit RM1.1 juta pada 1990.

"Kita mengimport lebih daripada RM50 bilion makanan setahun dan sekiranya kita dapat mengeluarkan sendiri hanya 10 peratus daripada nilai tersebut, ia memberikan impak besar kepada ekonomi.

"Mungkin ada banyak bantuan ditawarkan kerajaan dalam sektor pertanian, namun kita perlu lihat sejauh mana kadar pengambilannya? Sekiranya terlalu rendah, mungkin kita perlukan satu pembaharuan," katanya.

Harga sayur meningkat sehingga 30 peratus

Kuala Lumpur: Harga sayur di seluruh negara dilaporkan meningkat antara 20 sehingga 30 peratus sejak bulan lalu berikutan keadaan cuaca bujan hampir setiap hari.

Setiausaha Agung Persekutuan Persatuan-Persatuan Pekebun Sayur Malaysia, Chay Ee Mong, berkata tidak semua jenis sayur mengalami kenaikan harga.

Katanya, hanya beberapa jenis sayur mendapat permintaan tinggi seperti sawi, cili, lada benggala dan beberapa jenis salad mengalami kenaikan harga.

"Harga sayur tidak naik mendadak. Sebagai contoh hari ini (semalam) harga sawi RM3 sekilogram, esok akan turun sedikit dan lusa akan naik semula menjadi RM3.

"Harga bergantung kepada

permintaan. Jika permintaan semakin banyak, harga akan naik sedikit. Bagaimanapun saya yakin, jika cuaca sudah pulih, harga sayur akan stabil semula," katanya kepada BH.

Semalam BH melaporkan, serang-kurangnya lima jenis sayur menunjukkan kenaikan dalam tinjauan yang dibuat di Pasar Kedai Payang, Terengganu.

Sayur berkenaan menunjukkan peningkatan di antara RM2 sehingga RM4 sekilogram dalam tempoh seminggu sejak 11 September lalu.

Sebelum ini cili merah dijual dengan harga RM10 sekilogram, namun kini harganya mencecah RM14 sekilogram, manakala bunga kubis yang sebelum ini dijual dengan harga RM8.70 sekilogram, meningkat kepada

RM10 sekilogram.

Ee Mong berkata, ketika ini permintaan sayur semakin meningkat berikutan banyak pengusaha kedai makan mula membuka semula perniagaan mereka.

Selain itu katanya, faktor kekurangan sayur import ketika ini juga menyebabkan permintaan sayur tempatan semakin meningkat.

"Oleh kerana pengeluaran sayur di Malaysia tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan, kita turut mengimport pelbagai sayur terutama dari China.

"Bagaimanapun ketika ini, China mengalami musim panas dan hanya memberi tumpuan menanam padi berbanding sayuran, sekali gus menyebabkan jumlah sayur import berkurangan," katanya.



Seorang peniaga menyusun sayur yang dijual di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu. Harga sayur bergantung kepada permintaan pengguna. (Foto Ghazali Korf/BH)

Nelayan berjinak-jinak tanam cendawan raih pendapatan lumayan

Tekad keluar kepompong kemiskinan

Oleh WAT KAMAL ABAS

PARIT BUNTAR – Kecelakaan seorang nelayan di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau di sini yang ingin keluar daripada kepompong kemiskinan boleh dicontohi apabila mengusahakan penanaman cendawan yang kini memberi pulangan lumayan.

Mohd. Radzi Said, 51, berkata, beliau menceburi tanaman cendawan menggunakan kaedah penanaman sistem rumah cendawan pintar (i-Mistroom) setelah diperkenalkan oleh pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UTM) Pulau Pinang, Dr. Hamid Yusoff beberapa bulan lalu.

Bermodalkan wang RM24,000 hasil pengeluaran i-Lestari dan i-Sinar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), beliau membina sendiri rumah cendawan pintar bersebelahan kediamannya.

Dia turut dibantu Jabatan Pertanian negeri yang menyumbangkan bongkah cendawan dan rak tanaman selain bimbingan pertubuhan bukan kerajaan, Sahabat Alam Lestari Parit Buntar



MOHD. RADZI memeriksa cendawan ditanam menggunakan kaedah i-Mistroom yang diluaskan di Kampung Raja Bashah, Kuala Kurau semalam.

dan kumpulan penyelidik SIG Admech UTM Pulau Pinang.

"Saya mulakan dengan 6,000 bongkah cendawan tiram kelabu dan tiram putih melalui kaedah i-Mistroom pada Julai lalu.

"Hasilnya amat-memberangsangkan apabila tuaian bulan pertama sebanyak RM4,200, manakala permintaan cendawan ini sangat tinggi di pasaran," katanya.


Purata, sebari tuaian cendawan adalah sebanyak 15 kilogram (kg) dengan harga jualan RM12 setiap kg.

Kata Mohd. Radzi, dia memasarkan hasil cendawan itu secara dalam talian menggunakan platform media sosial, manakala pesanan yang diterima tidak putus-putus.

"Bagaimanapun, saya masih lagi turun ke laut sebagai nelayan kerana ini hanyalah usaha sampingan bagi menambah pendapatan keluarga.

"Kini, saya berhasrat untuk mengembangkan usaha ini dengan mempelbagaikan produk sampingan lain berasaskan cendawan pula," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	21



BAGI Abdullah Hassan bercucuk tanam merupakan aktiviti sangat menyeronokan.

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamula.com.my

DI MANA ada kemahuan di situ ada jalan. Itulah pegangan hidup bekas pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Abdullah Hassan, 60, dalam meneruskan kehidupannya.

Pelbagai kerja yang dilakukannya lebih tertumpu dalam bidang kejuruteraan kerana dia memiliki diploma kejuruteraan komputer hingga membuka sebuah kedai fotostat dan menjual pelbagai jenis barangan.

Namun, sejak pandemik Covid-19 melanda negara Mac dua tahun lalu, perniagaannya merosot teruk berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama.

Banyak sektor perniagaan tidak dibenarkan beroperasi.



TANAMAN herba sacha inchi atau *plukenetia volubilis*.

Tinggalkan perniagaan, usahakan kebun sayur



Keadaan itu, sekali gus menjejaskan perniagaan yang dijalankan Abdullah hingga memaksanya menutup terus kedai dan bertukar menjadi pemandu *e-halling*.

Itupun tidak lama dan kurang rancak kerana sepanjang PKP, ramai orang tidak keluar rumah.

Akhirnya, timbul idea untuk mengusahakan kebun sayur-sayuran di belakang kediaman rumah peninggalan arwah bapa di Kampung Pinang, Pokok Asam, Klebang, Melaka yang dijayakan bersama anak bongsunya, Mohd. Naim Abdullah, 20. Bagi Abdullah, dia ingin membuktikan tanpa tanah berhektar atau ruangan yang besar, tetapi hasil gabungan kreativiti, kesungguhan dan minat mendalam terhadap pertanian, mampu memberi hasil lumayan.

Rumah arwah bapanya itu

sudah usang terbiar begitu lama, manakala kawasan sekeliling pula dipenuhi semak-samun.

PINDAH SEMULA

Dia mengambil keputusan menjual kedainya dan berpindah semula ke rumah peninggalan tersebut kerana bertekad menjadi pekebun sayur sepenuh masa.

"Saya tidak pernah terfikir untuk menjadi pekebun sayur namun melihat keadaan ekonomi yang tidak stabil akibat pandemik Covid-19 hingga saya tutup perniagaan.

"Saya mengambil keputusan untuk menanam sayur-sayuran dan kebetulan tanah milik arwah ayah agak luas dan sangat sesuai untuk diusahakan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Bersambung di muka 22

21/9/2021

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA TANI

22

Dari muka 21

Walaupun Abdullah tidak mengikuti sebarang kursus dalam bidang pertanian, sejak kecil dia sangat meminati bidang tersebut kerana arwah bapanya adalah seorang pesawah dan mengusahakan tanaman padi seluas 1.6 hektar.

Katanya, kebetulan tanah yang dimiliki itu sangat sesuai untuk mengusahakan pelbagai tanaman sayuran.

BELAJAR DI YOUTUBE

Kerjaya sebagai petani tidak sesuai buat mereka yang sekadar nangat-hangat tahu ayam. Sebabnya, perlu berpanas dan mempunyai kesabaran tinggi.

Namun, bagi Abdullah ia tidak menjadi masalah kerana berkebun bukan sahaja mampu membuah hasil, lebih penting ia menyihatkan tubuh badan.

Ini kerana peluh keluar sewaktu melakukan pergerakan dengan kerja-kerja berkaitan di kebun.

Baginya, bercucuk tanam merupakan aktiviti yang sangat menyeronokan.

Abdullah mula menanam pelbagai jenis sayur-sayuran sepanjang tempoh PKP pertama di tanah seluas tidak sampai satu hektar.

"Saya banyak belajar daripada YouTube, di samping mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian daerah. Kebetulan saya ada modal sedikit untuk memulakan kerjaya sebagai pekebun sayur sepenuh masa," ujarnya.

Berkat usahanya, kawasan itu mula menghidu dengan kangkung, sawi, terung, bendi, timun, kacang panjang, peria dan halia.

"Alhamdulillah setakat ini, tanaman sayuran yang diusahakan membawa hasil yang baik.

"Dapat juga saya jana pendapatan walau tidak banyak mana, tetapi sudah cukup untuk menyara hidup saya, isteri dan seorang anak yang masih belajar," jelasnya.

Berbudi pada tanah memberikan 1,001 nikmat apabila dia makin bersemangat untuk menambah pelbagai jenis tanaman lain.

BERI PERCUMA

Bekas Pengetua di Institut Bina Usahawan Melaka dari tahun 1995 hingga 2005 ini berkata, selain menjual hasil kebunnya, dia turut bersedekah kepada jiran tetangga, kenalan dan saudara-mara. Malah kalau ada orang minta sayur, dia akan memberinya secara



ABDULLAH Hassan (duduk empat dari kiri) bersama rakan-rakan Temtera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Lumut, Perak pada 1980.



HASIL kebun sayur-sayuran yang diusahakan di belakang rumah peninggalan arwah bapa Abdullah di Kampung Pinang, Pokok Asam, Klebang, Melaka.



ABDULLAH dibantu anaknya, Mohd. Naim mengusahakan kebun sayur.

percuma sahaja.

Barangkali itulah punca rezekinya berlipat kali ganda dan membolehkan dia menjual sayur-sayuran dengan harga lebih murah berbanding harga ditawarkan di pasar atau pasar raya.

Bakat berkebun dikembangkan dengan mengusahakan tanaman herba sacha inchi atau *piukenetia volubilis* yang mempunyai nilai pasaran tinggi untuk bahagian daun, kekacang dan akarnya.

Kagum tekad bapa jadi petani

"SAYA kagum dengan hasrat ayah tinggalkan perniagaan dan usahakan tanaman sayur-sayuran," kata anak bongsu Abdullah, Mohd. Naim.

Pelajar tahun dua Diploma Kejuruteraan Marin di Akademi Laut Malaysia (ALAM), Kuala Sungai Baru itu berkata, tekad ayahnya menjadi pekebun sepenuh masa adalah keputusan tepat.

"Ayah kecewa apabila pemiagaan kedai fotostat terpaksa ditutup, tetapi semangat untuk berjaya tidak pernah padam.

"Kini dia kembali ceria selepas sayur-sayuran ditanam mula menunjukkan hasil. Bila ayah cetuskan idea untuk berkebun, saya memang menyokong penuh keputusan itu," katanya.

Mohd. Naim sering membantu membersihkan kawasan semak-samun, membuat batas, saliran air dan membantu menanam sayur-sayuran.

Anak muda itu jelas teruja dengan kerja kebun yang disifatkan sebagai pengalaman amat berharga yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.

"Melihat pokok seperti kangkung, sawi, terung, bendi, timun, kacang panjang, peria dan halia mengeluarkan hasil dan dapat dijual, ada juga pendapatan.

"Walaupun tidak banyak mana tetapi ini sudah mencukupi," katanya yang amat bangga dengan semangat ayahnya yang membuktikan bahawa bidang pertanian mampu memberikan sumber pendapatan.



"Saya banyak belajar daripada YouTube, di samping mendapat khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian daerah."

Tanaman herba jenis sacha inchi, tinggi vitamin A dan B serta mempunyai pulangan yang lumayan jika diusahakan berskala besar. Ia turut dikatakan kaya dengan omega 3, omega 6 dan omega 9 malah amat laris di Brunei dan China.

"Melihat potensi pokok itu, saya telah mula menanamnya secara berperingkat-peringkat, malah turut menyemai benihnya," katanya.